

Navigator Sistem Kesihatan

Membantu penjagaan kesihatan anda

Apakah itu Navigator Sistem Kesihatan?

Navigator adalah individu yang membantu anda mendapatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang anda perlukan. Mereka membantu anda mengatasi halangan untuk mendapatkan penjagaan kesihatan, memudahkan anda menerima rawatan yang anda perlukan dalam pendekatan yang menghormati budaya anda.

Navigator selalunya berasal dari latar belakang migran atau pelarian, dan ada di kalangan mereka yang boleh bertutur dalam bahasa lain. Perkhidmatan ini adalah percuma dan dibiayai oleh Murray PHN.

Bagaimana ia berfungsi?

Berhubung dengan perkhidmatan tersebut: Anda boleh meminta bantuan sendiri atau melalui penyedia penjagaan kesihatan anda, doktor, organisasi tempatan atau sesiapa sahaja yang anda kenali.

Bertemu dengan Navigator: Navigator boleh bertemu dengan anda di tempat yang mudah untuk anda. Mereka akan bertanya soalan kepada anda untuk memahami keperluan kesihatan anda.

Dapatkan bantuan: Navigator akan membantu anda mencari perkhidmatan kesihatan, membantu anda mengisi borang, membuat janji temu perubatan dan memberikan anda maklumat tentang kesihatan.

Nota: Navigator bukan doktor. Mereka tidak memberikan nasihat atau rawatan perubatan. Mereka membantu anda mencari perkhidmatan dan sokongan yang sesuai tetapi tidak boleh merawat masalah kesihatan.

Apakah jenis bantuan yang boleh diberikan oleh Navigator?

Navigator boleh:

- menghubungkan anda dengan perkhidmatan kesihatan yang memenuhi keperluan anda
- membantu anda membuat dan menghadiri janji temu perubatan
- membantu mengisi borang
- memberikan maklumat kesihatan yang telah diterjemahkan
- menghubungkan anda dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain
- membantu dalam keperluan harian anda yang mungkin menjelaskan kesihatan anda dan akses kepada penjagaan

Siapa yang boleh berhubung dengan Navigator?

Anda boleh menghubungi Navigator jika anda dari komuniti pelbagai budaya - contohnya pelarian, pemohon suaka, atau migran yang lain - dan menghadapi mana-mana cabaran berikutnya:

- sukar untuk mendapatkan akses kepada penjagaan kesihatan disebabkan oleh masalah bahasa, budaya atau halangan lain
- keperluan kesihatan yang rumit atau berterusan
- kurang penguasaan Bahasa Inggeris
- baru tiba di Australia
- menetap di kawasan luat bandar



Perkhidmatan Navigator Sistem Kesihatan di kawasan anda

Bendigo	Perkhidmatan Kesihatan Komuniti Bendigo 171 Hargreaves Street, Bendigo VIC Telefon: 03 5406 1200 E-mel: bchs@bchs.com.au	
Shepparton	Primary Care Connect 399 Wyndham Street, Shepparton VIC Telefon: 03 5823 3200 E-mel: intake@primarycareconnect.com.au	
Robinvale	Perkhidmatan Kesihatan Daerah Robinvale 128 Latje Road, Robinvale VIC Telefon: 03 5051 8160 E-mel: primarycare@rdhs.com.au	

Untuk butiran lanjut, lawati: murrayphn.org.au/community/multicultural-health/



Maklumat penting

- Terpulang kepada anda untuk bertemu dengan Navigator.
- Tiada kos untuk dikenakan bertemu dengan navigator.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, hantarkan e-mel kepada Murray PHN di: multicultural@murrayphn.org.au

Adakah anda memerlukan jurubahasa?



Sila maklumkan kepada penyedia perkhidmatan sekiranya anda memerlukan seorang jurubahasa.

Hubungi talian 131 450 (Perkhidmatan Penterjemahan dan Pentafsiran) dan minta seorang jurubahasa.

